

## KENYATAAN MEDIA



### PUSAT GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH NASIONAL JABATAN PERDANA MENTERI

---

#### KEMAJUAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP 2019-2023)

1. Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin telah menyatakan komitmen kerajaan untuk meneruskan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 dalam memastikan penambahbaikan aspek governans, integriti dan antirasuah dapat dilaksanakan bagi mencapai hasrat negara yang bebas rasuah dan berintegriti.
2. Sehubungan dengan itu , berikut adalah status kemajuan terkini pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) :-
  - 2.1 Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 29 inisiatif NACP telah selesai pelaksanaan dan telah menghasilkan pencapaian di peringkat output. 29 inisiatif ini kini dalam tahap dikaji keberkesanan di peringkat *outcome*;
  - 2.2 Bermula Mac 2020, Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) telah melaksanakan Semakan Separuh Penggal NACP agar bersesuaian dengan dasar semasa Kerajaan. Sebanyak

**24** Ketua Agensi Peneraju (*lead agencies*) bagi **115** inisiatif telah membuat analisis dan kajian di peringkat dasar dan strategi dalam proses semakan separuh penggal ini;

2.3 Laporan Semakan Separuh Penggal NACP dijangka dikeluarkan pada penggal pertama tahun 2021 dimana Laporan ini akan menggariskan inisiatif-inisiatif baharu untuk pelaksanaan, seiring dengan konsep bahawa NACP adalah sebuah dokumen yang tidak luput (*a living document*);

2.4 Laporan ke atas kemajuan NACP dari semasa ke semasa akan dilaporkan melalui kenyataan rasmi bertulis yang dikeluarkan oleh Unit Komunikasi Korporat GIACC, manakala hebahan berkaitan kemajuan inisiatif-inisiatif NACP yang dilaksanakan oleh Kementerian/ Agensi akan dilaksanakan oleh Ketua Agensi Peneraju berkenaan dari semasa ke semasa bagi memberi makluman yang lebih jelas;

2.5 Laporan Kemajuan NACP Bagi Tahun 2019 yang telah dibentangkan di Mesyuarat JKKMAR Siri 13 Bil. 3 Tahun 2020 juga akan dimuatnaik di laman web rasmi GIACC untuk pemakluman umum [TAMAT]

**Pusat Governans Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)**  
**Jabatan Perdana Menteri**  
**24 Februari 2021**

---

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

Bahagian Komunikasi dan Media GIACC

Puan Maizatul Akmal Yahaya

Emel : [maizatul@jpm.gov.my](mailto:maizatul@jpm.gov.my) Tel : 03-88727339/014-9732893